

TARIKH	20 / 3 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Negara

## Rawatan hemodialisis diperluas

Pesakit buah pinggang boleh dapatkan rawatan di 800 klinik kesihatan

Oleh LUQMAN RIDIWAN  
MOHD. NOR

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan berhasrat untuk memperluaskan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang ke 800 klinik kesihatan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, sehubungan itu, pihaknya akan memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan agar perkhidmatan itu dapat dinikmati oleh semua penduduk di dalam dan luar bandar.

"Terdapat dua klinik kesihatan telah dibekalkan dengan mesin hemodialisis iaitu di Simpang Renggam, Johor yang mula beroperasi pada Januari lalu dan di Kodiang, Kedah yang bakal beroperasi hujung bulan ini.

"Ini adalah komitmen kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik, luas dan mudah dicapai oleh rakyat di seluruh pelusuk negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Mesin Hemodialisis oleh Lembaga Tabung Haji (TH) di Hospital Putrajaya di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lem-

baga TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Dalam pada itu, Tiong Lai berkata, perkhidmatan itu tidak dapat dilaksanakan di klinik desa serta klinik IMalaysia kerana ia memerlukan doktor dan pakar selain kawasan bagi


mengasingkan pesakit Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV.

Sementara itu, Abi Musa Asa'ari berkata, TH telah menyerahkan sebanyak 41 unit mesin hemodialisis kepada Kementerian Kesihatan sebelum ini untuk ditempatkan di hospital-hospital terpilih.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan telah memilih 15 buah hospital untuk menempatkan mesin hemodialisis iaitu Selangor sebanyak 15 unit, Terengganu (tujuh unit), Johor (enam unit), Wilayah Persekutuan (empat unit) dan masing-masing tiga unit di Negeri Sembilan serta Kelantan.

### INFO bayaran rawatan hemodialisis

- Hospital kerajaan - RM13 untuk sekali rawatan (pesara kakitangan kerajaan percuma)
- Hospital swasta - RM200 untuk sekali rawatan
- Pusat hemodialisis pertubuhan bukan kerajaan - RM50 untuk sekali rawatan



TIONG LAI (tiga dari kanan) memperkatakan sesuatu kepada Abi Musa Asa'ari (dua dari kiri) mengenai mesin hemodialisis selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Mesin Hemodialisis Tabung Haji kepada Kementerian Kesihatan di Putrajaya semalam.